

22/11/1998

Pakej pembelajaran IT terancang di Institut Informatics

Tajuddin Saman

INSTITUT Informatics yang menyediakan pelbagai kemudahan bagi pengajian teknologi maklumat (IT) mungkin sebuah daripada institusi pengajian tinggi yang menawarkan pakej pembelajaran IT canggih.

Selain itu, ia juga mempunyai beberapa cawangan. Antaranya ialah di Institut Informatics cawangan Seberang Prai, Pulau Pinang iaitu rangkaian institut yang menawarkan kursus teknologi maklumat.

Dengan adanya cawangan institut ini di Seberang Prai membolehkan lebih ramai penduduk tempatan menikmati kemudahan pembelajaran yang disediakan di situ. Ia tidak saja dikhususkan kepada pelajar tetapi kalangan yang sudah bekerja pun boleh merebut peluang mempelajari bidang IT jika mereka mempunyai kemahuan.

Dengan itu, pelajar dan pekerja di sekitar Prai tidak akan ketinggalan dalam mengharungi revolusi teknologi maklumat yang kini menjadi satu daripada program masa depan kerajaan dan negara.

Seperti diketahui umum, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri sering melaungkan pentingnya masyarakat Malaysia membina kemajuan dalam bidang IT kerana masa depan masyarakat antarabangsa sebenarnya akan terarah dan tertumpu kepada bidang itu.

Justeru, kerajaan sendiri berhasrat mewujudkan masyarakat bermaklumat menerusi Koridor Raya Multimedia (MSC) sebagai terasnya.

Institut Informatics cawangan Prai bukan baru dibina tetapi ia sudah memulakan operasi sejak awal 1980-an sebagai sebuah institut yang menawarkan kursus yang bertemakan '100 peratus teknologi maklumat'.

Kini, Institut Informatics mempunyai rangkaian yang tersebar luas, terutama di Asia. Institut itu juga menawarkan kursus Diploma Pengajian Komputer dengan potongan RM420.

Selain itu, diploma berkenaan diiktiraf pula oleh Badan Peperiksaan Universiti Cambridge, United Kingdom dan Perbadanan Institut Komputer United Kingdom.

Selain itu, institut itu juga mengadakan potongan khas untuk ahli keluarga, guru sekolah kerajaan iaitu sebanyak 25 peratus daripada jumlah yuran kursus.

Bagi pekerja yang ditamatkan perkhidmatan juga boleh meneruskan pengajian tanpa sebarang bayaran tetapi kursus yang diambil hendaklah diiktiraf oleh Majlis Pembangunan Sumber Manusia.

Institut Informatics Prai terletak di lokasi strategik iaitu di pusat bandar Prai yang semuanya dirangka bagi memudahkan pelajar berulang-alik. Operasinya menggunakan teknologi maklumat terkini seperti media elektronik, contohnya projektor LCD, teknologi komputer dan multimedia.

Suasana pembelajaran yang baik seperti bilik berhawa dingin, perpustakaan multimedia dan kemudahan Internet dalam penyenggaraan kursus dan penyampaian kuliah menjadikannya antara institut yang terancang.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai kursus yang ditawarkan, anda boleh menghubungi Institut Informatics atau Diana, Joyce dan Philip melalui talian 04-3907728.

(END)